

Headline	Keadaan Muhammad Firdaus bertambah baik Rosmah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	6	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	292 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,824
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,472



Keadaan Muhammad Firdaus bertambah baik - Rosmah

SEREMBAN 30 Jun - Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor bersyukur melihat keadaan remaja orang kurang upaya (OKU), Muhammad Firdaus Dullah, 15, yang kini bertambah baik ketika melawat remaja berkenaan di Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS), di sini hari ini.

Rosmah yang turut berpuas hati dengan perkembangan itu turut meluangkan masa hampir 30 minit beramah mesra dengan remaja berkenaan yang sebelum ini ditemui dalam keadaan menyayat hati, kotor selain kurus kering di Flat Taman Semarak, Nilai, baru-baru ini.

Menurut Rosmah, dia amat gembira dengan perubahan Muhammad Firdaus yang semakin sembuh dan keadaannya bertambah baik.

"Saya dimaklumkan bahawa adik Muhammad Firdaus telah diberi makan secukupnya, malah berat badannya juga telah bertambah 2.3 kilogram.

"Dia juga akan dibenarkan keluar dari hospital hujung minggu ini atau minggu depan. Selepas ini, Muhammad Firdaus akan diserahkan di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas melawat serta menyampaikan sumbangan kepada remaja berkenaan di Wad Kanak-kanak HTJS.

Yang turut hadir, Menteri Pem-

angunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Ab-

dul Karim dan timbalannya, Datin Paduka Chew Mei Fun; isteri Menteri Besar, Datin Seri Raja Salbiah Tengku Nujumudin dan Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Datuk Dr. Zailan Adnan.

Rosmah yang juga Yang Dipertua Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dari Timbalan Menteri (Bakti) memberitahu, jumlah kutipan dana yang dibuka menerusi akaun simpanan Tabung Haji untuk Muhammad Firdaus kini telah mencecah RM23,348.70.

"Ini termasuk sumbangan Bakti sebanyak RM1,000; sumbangan peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak (RM1,000) dan Tabung Haji (RM11,011).

"Ada lagi sumbangan yang diterima, tetapi cek-cek berkenaan belum dijelaskan. Jika semua cek-cek itu dimasukkan, jumlah sumbangan keseluruhannya ialah RM27,348.70," katanya.

Dalam pada itu, Rohani menjelaskan, remaja berkenaan akan ditempatkan di Taman Sinar Harapan dekat sini selepas dibenarkan keluar dari hospital.

"Adiknya, Muhammad Haziq, 7, sudah ditempatkan di rumah kanak-kanak itu dan kami masih lagi mengesan waris sebelah bapa Muhammad Firdaus," katanya.



ROSMAH Mansor (tengah) menyampaikan Buku Simpanan Tabung Haji bernilai RM11,011 kepada Muhammad Firdaus Dullah ketika melawat remaja OKU berkenaan di Wad Kanak-kanak Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, semalam. Hadir sama, Raja Salbiah Tengku Nujumuddin (tiga dari kanan) dan Rohani Abdul Karim (belakang). - UTUSAN/ABD. RAZAK AID